

# Martabat undang syariah

Melatih keupayaan mahasiswa dalam penyediaan hujahan bertulis secara profesional

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
kampus@utusan.com.my



**B**AGI meningkatkan aspek perundangan syariah di Malaysia, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) baru-baru ini telah menganjurkan Pertandingan Mahkamah Moot Syariah Peringkat Kebangsaan (PMMS) 2014.

Pertandingan yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara itu diadakan bagi memartabat Sistem Perundangan Syariah di negara ini melalui pertandingan mahkamah moot, setara dengan proses dan amalan disiplin pengajian perundangan sivil di Malaysia.

Penyertaan pelajar dalam aliran undang-undang syariah dan pengajian Islam membuktikan keupayaan mereka dalam menyediakan hujahan bertulis dan penghujahan oral secara profesional serta mewujudkan satu persaingan yang sihat dalam kalangan peserta.

Jurulatih dan penyelidik pertandingan itu, Dr. Muzaffar Syah Mallow berkata, proses pertandingan PMMS melibatkan kriteria dalam penyediaan soalan hujahan selaras dengan kualiti dan mutu pertandingan mahkamah moot antarabangsa.

Antaranya LawAsia Moot Competition yang dianjurkan oleh Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur, International Humanitarian Law (IHL) Moot Competition anjuran Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa, serta Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pelajar Undang-Undang Antarabangsa.

Dr. Muzaffar yang juga Pensyarah Kanan FSU berkata, pertandingan PMMS ini telah hakimi oleh hakim syarie, peguam syarie, ahli akademik dan tokoh bekelayakan serta pakar dalam amalan perundangan syariah di negara ini.

"Melalui pertandingan ini peserta didedahkan dengan aspek perundangan syariah dalam negara kita," katanya.

Pada majlis itu juga, syarahan umum bertajuk: Isu - isu Semasa Berkenaan

Syariah dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah turut disampaikan oleh Ketua Pengarah yang juga Ketua Hakim JKSM, Tan Sri Ibrahim Lembut.

Dalam majlis itu, Anugerah Hujahan Bertulis Terbaik telah dimenangi peserta Universiti Malaya (UM), manakala tempat kedua dimenangi pasukan dari UM manakala tempat ketiga dimenangi peserta dari Universiti Sultan Zainal Abidin.

Bagi kategori Anugerah Penghujahan Terbaik pula dimenangi Sharina Zakaria dari UM, tempat kedua dimenangi oleh Muhamad Hashlinsyah Halimansyah dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan tempat ketiga dimenangi oleh Amira Hazwani Anuar dari USIM.

Sementara itu, Juara PMMS 2014 pula dimenangi pasukan dari UM, Naib Juara dimenangi pasukan dari KUIS, tempat ketiga dimenangi pasukan dari KUIS, tempat keempat dan kelima masing-masing dimenangi dari USIM.



SEBAHAGIAN peserta yang terlibat pada Pertandingan Mahkamah Moot Syariah Peringkat Kebangsaan (PMMS) 2014 di USIM baru-baru ini.



PEMENANG-pemenang yang menjuarai bagi setiap kategori yang dipertandingkan.